

**Majoriti Ketua Wanita Umno Di Selangor Kekal Jawatan
Bernama
13 Oct, 2013**

SHAH ALAM, 13 Okt (Bernama) -- Sejumlah 14 Ketua Pergerakan Wanita Umno di 22 bahagian di Selangor mengekalkan kedudukan mereka susulan pemilihan sayap parti Sabtu.

Ini termasuk Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Noriah Kasnon, yang kekal menerajui Wanita Bahagian Sungai Besar, dan Anggota Dewan Undangan Negeri Kota Damansara Halimaton Saadiah Borhan di bahagian Subang.

Bagi Pergerakan Pemuda pula, hanya tiga penyandang Ketua Pemuda mengekalkan jawatan mereka termasuk Pemangku Ketua Pemuda negeri Zainuri Zainal di bahagian Klang.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985450>